

## JHEP Dedah Kaedah Pengurusan Majlis kepada Mahasiswa

Terakhir dikemaskini: Isnin, 02 April 2018 15:43 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 409

[Kongsi 27](#)[Syorkan 27](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**ISNIN, 02 APRIL** - Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Kursus Pengurusan Majlis, Etiket dan Protokol bertempat di Bilik Seminar, JHEP baru-baru ini.

Menurut kenyataan JHEP, kursus anjuran Bahagian Pembangunan Pelajar JHEP itu bertujuan melatih para peserta kaedah pengurusan majlis yang lebih teratur serta memberi pendedahan awal berkaitan etiket dan protokol sesuatu majlis.

Dalam masa yang sama, ia bagi

menerapkan nilai-nilai disiplin yang tinggi ke arah melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas dalam menguruskan sebarang majlis rasmi.

Program yang disertai 83 mahasiswa itu dikendalikan Penolong Pegawai Tadbir Kanan, JHEP, Awang Nasip Yonos.

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Pelajar